KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	28.03.22	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPSM			



TENGKU HASSANAL (TENGAH) menyiram pokok pada majlis pelancaran Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2022 di Hutan Simpan Tanum, Lipis semalam.

Hukuman penjara dinaikkan sehingga 20 tahun

Penceroboh hutan bakal didenda RM5 juta

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

LIPIS – Penceroboh hutan simpan bakal berdepan tindakan perundangan lebih berat apabila kadar denda maksimum bagi kesalahan hutan dinaikkan kepada RM5 juta, manakala hukuman penjara sehingga 20 tahun.

Pada masa ini denda maksimum bagi kesalahan hutan adalah RM500,000 dan hukuman penjara maksimum pula adalah selama tujuh tahun.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyudin Hassan berkata, Rang Undang Undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 telah dibentangkan kali pertama di Dewan Rakyat pada 3 Mac lalu setelah mengambil masa hampir 13 tahun untuk dimuktamadkan sebelum dijangka dibentangkan sekali lagi untuk bacaan kali kedua di Parlimen pada Julai ini.

"Antara pindaan dalam RUU tersebut ialah dengan memperkenalkan proses penyiasatan awam (public inquiry) sebelum sesuatu kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) diwartakan dan juga penggantian serentak HSK yang diwartakan keluar.

"Di samping itu kadar denda maksimum bagi kesalahan hutan dinaikkan daripada RM500,000 kepada RM5 juta dan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dinaikkan sehingga 20 tahun sebagai langkah pencegahan dan pemuliharaan (hutan)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2022 di Hutan Simpan Tanum dekat sini semalam.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan tahun ini disempurnakan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah di kawasan Koridor ekologi Central Forest Spine bersebelahan dengan Hutan Simpan Tanum Lipis.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah membentangkan RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 bagi penambahbaikan melibatkan beberapa perkara amalan pengurusan dan pemuliharaan kawasan Hutan Simpanan Kekal di negara ini.

Ujar Takiyuddin, dengan lulusnya RUU tersebut di Parlimen Julai nanti, perundangan hutan negara akan lebih digeruni.